



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

Jabatan Pendidikan Negeri Pahang

مِمْبَار

مودول قنڊريقن إسلام

Modul Pendidikan Islam SPM 2021

Mimbar

NAMA: _____

KELAS: _____

SEKOLAH _____

NAMA GURU: _____


ISI KANDUNGAN TINGKATAN 4

BIL	PERKARA	SENARAI SEMAK
BIDANG AL-QURAN		
1	SURAH AL-BAQARAH : AYAT 188 [LARANGAN RASUAH]	
2	SURAH AL-IMRAN : AYAT 137 – 139 [MEMAHAMI SUNNATULLAH]	
3	SURAH AL-AN'AM : AYAT 70 [LARANGAN MEMPERSENDAKAN AGAMA]	
4	SURAH FUSSILAT : AYAT 33 [DAKWAH PEMACU KEMAJUAN]	
BIDANG HADIS		
5	HINDARI DOSA-DOSA BESAR	
6	KEMULIAAN BERDIKARI	
BIDANG AKIDAH		
7	ALLAH SWT MAHA PEMBALAS & PERKASA	AL-MUNTAQIM [U1] AL-JABBAR [U2]
8	PERKARA YANG MEMBATALKAN IMAN	
9	HINDARI AJARAN SESAT	
BIDANG FEKAH		
10	HAJI DAN UMRAH	
11	SEMBELIHAN	
12	KORBAN & AKIKAH	KORBAN [U1] AKIKAH [U2]
13	MUAMALAT ISLAM	KONSEP MUAMALAT ISLAM [U1] JENIS AKAD DALAM MUAMALAT ISLAM [U2]
14	SOLAT SUNAT DHUHA & SUNAT GERHANA	SOLAT SUNAT DHUHA [U1] SOLAT SUNAT GERHANA [U2]
BIDANG SIRAH DAN TAMADUN ISLAM		
15	KERAJAAN KHULAFAH AL-RASYIDIN	
16	KERAJAAN UMAIYAH	
17	KERAJAAN ABBASIYAH	
18	KEUNGGULAN TOKOH EMPAT MAZHAB	
BIDANG AKHLAK ISLAMIAH		
19	BERSIKAP BENAR MENJAUHI KEMUNAFIKAN	
20	KHAUF DAN RAJA'	
21	ADAB TERHADAP ORANG SAKIT & KURANG UPAYA	ADAB TERHADAP ORANG SAKIT [U1] ADAB TERHADAP OKU [U2]
22	WASATIAH MENJAMIN KECEMERLANGAN UMAT	

ISI KANDUNGAN TINGKATAN 5

BIL	PERKARA	SENARAI SEMAK
BIDANG AL-QURAN		
1	SURAH AL-MUKMINUN : AYAT 1 - 11 [CIRI-CIRI MUKMIN YANG BERJAYA]	
2	SURAH AT-TAUBAH : AYAT 19 – 20 [MEMAHAMI KEUTAMAAN DALAM TINDAKAN]	
3	SURAH AL-HUJURAT : AYAT 13 [KEPELBAGAIAN BANGSA DALAM ISLAM]	
BIDANG HADIS		
4	SETIAP ORANG IALAH PEMIMPIN	
5	TUJUH GOLONGAN YANG MENDAPAT NAUNGAN ALLAH SWT	
BIDANG AKIDAH		
6	ALLAH SWT MAHA MENGAWASI DAN MENYAKSIKAN	AR-RAQIB [U1] AS-SYAHID [U2]
7	AKIDAH AHLI SUNNAH WAL –JAMAAH	
BIDANG FEKAH		
8	SOLAT SUNAT	SOLAT SUNAT ISTIKHARAH [U1] SOLAT SUNAT TASBIH [U2]
9	PERKAHWINAN	PERKAHWINAN [U1] KEMAHIRAN KEIBUBAAPAN [U2]
10	ISU-ISU DALAM PERKAHWINAN	
11	PENGURUSAN HARTA SELEPAS KEMATIAN	WASIAT DALAM ISLAM [U1] FARAID DALAM ISLAM [U2]
12	JENAYAH DALAM ISLAM	
BIDANG SIRAH DAN TAMADUN ISLAM		
13	KERAJAAN UTHMANYAH	
14	KEUNGGULAN TOKOH ISLAM	
BIDANG AKHLAK ISLAMIAH		
15	TAWADUK MENZAHIRKAN KESUCIAN JIWA	
16	ISTIQAMAH JALAN MENUJU MUJAHADAH	
17	ALAM SEKITAR PENENANG MINDA	
18	SIFAT MAZMUMAH MERACUNI HATI	



T4		PEL 4 LARANGAN RASUAH (SURAH AL-BAQARAH: 188)
	<p style="text-align: center;">  وَلَا تَأْكُلُوا أَمْوَالَكُمْ بَيْنَكُمْ بِالْبِطْلِ وَتُدْءُوا بِهَا إِلَى الْحُكَّامِ لِتَأْكُلُوا فَرِيقًا مِّنْ أَمْوَالِ النَّاسِ بِالْإِثْمِ وَأَنْتُمْ تَعْلَمُونَ (Surah al-Baqarah: 188) </p>	
1	Nyatakan maksud rasuah. [2 markah]	Maksud rasuah <ul style="list-style-type: none"> - Sebarang pembayaran atau suapan / yang bertujuan memalsukan kebenaran dan membenarkan kepalsuan.
2	Nyatakan maksud potongan ayat di bawah: i. أَمْوَالِكُمْ ii. بِالْبِطْلِ iii. إِلَى الْحُكَّامِ iv. لِتَأْكُلُوا [4 markah]	Maksud potongan ayat: <ol style="list-style-type: none"> i. harta (orang lain). ii. dengan jalan yang salah. iii. kepada para hakim. iv. kerana hendak memakan (mengambil).
3	Nyatakan empat larangan Allah SWT yang terdapat dalam ayat. [4 markah]	Empat larangan Allah SWT yang terdapat dalam ayat <ul style="list-style-type: none"> - Rasuah. - Riba. - Judi. - Mencuri. - Merompak.
4	Jelaskan dua bentuk perbuatan rasuah. [2 markah]	Dua bentuk perbuatan rasuah <ul style="list-style-type: none"> - Meminta atau menerima rasuah. - Menawarkan atau memberikan rasuah. - Mengemukakan tuntutan palsu. - Menyalahgunakan jawatan untuk kepentingan tertentu.
5	Jelaskan dua faktor perbuatan rasuah terus berleluasa. [2 markah]	Dua faktor perbuatan rasuah terus berleluasa <ul style="list-style-type: none"> - Sifat tamak dan tidak bersyukur. - Gaya hidup bermewah. - Kurang iman dalam diri. - Amalan birokrasi dalam sistem pemerintahan.
6	Terangkan dua kesan perbuatan rasuah kepada individu. [4 markah]	Dua kesan perbuatan rasuah kepada individu. <ul style="list-style-type: none"> - Allah SWT dan Rasulnya melaknat pemberi dan penerima rasuah / kerana melanggar larangannya. - Menjadikan individu hilang harga diri / kerana perbuatan itu berdosa. - Meningkatkan kes jenayah / kerana sifat mementingkan diri sendiri.

T5 PEL 6 KEPELBAGAIAN BANGSA DALAM ISLAM (SURAH AL-HUJURAT : 13)				
	<p>يَا أَيُّهَا النَّاسُ إِنَّا خَلَقْنَاكُمْ مِنْ ذَكَرٍ وَأُنْثَىٰ وَجَعَلْنَاكُمْ شُعُوبًا وَقَبَائِلَ لِتَعَارَفُوا إِنَّ أَكْرَمَكُمْ عِنْدَ اللَّهِ أَتْقَىٰكُمْ إِنَّ اللَّهَ عَلِيمٌ خَبِيرٌ ۝١٣</p>			
1	Nyatakan maksud potongan ayat yang bergaris. [4 markah]	<p>Potongan Ayat</p> <p>خَلَقْنَاكُمْ</p>	Maksud	kami telah menciptakan
		<p>شُعُوبًا</p>	pelbagai bangsa	
		<p>لِتَعَارَفُوا</p>	supaya kamu saling berkenalan	
		<p>أَتْقَىٰكُمْ</p>	orang yang paling bertaqwa	
2	Nyatakan sebab turun ayat di atas. [2 markah]	<p>Sebab turun ayat</p> <ul style="list-style-type: none"> - Menurut Ibnu Abbas radhiallahuanhu, Rasulullah SAW telah meminta Saidina Bilal bin Rabah radhiallahuanhu melaungkan azan semasa pembukaan kota Makkah. - Terdapat sahabat yang telah memandang rendah kepada Saidina Bilal r.a - Jibril as telah memberitahu Rasulullah SAW perbuatan para sahabat tersebut lalu Rasulullah SAW memanggil mereka dan bertanyakan tentang tindakan mereka. 		
3	Jelaskan dua kesan menjalinkan ukhuwwah dalam kalangan penganut agama lain. [2 markah]	<p>Dua kesan menjalinkan ukhuwwah</p> <ul style="list-style-type: none"> - Dapat mengeratkan hubungan silaturrahim kerana saling mengenali antara satu sama lain. - Disayangi oleh Allah SWT dan Nabi SAW. - Salah satu ciri-ciri kemanisan iman dalam Islam - Dipandang baik seluruh masyarakat dunia. 		
4	Jelaskan dua tuntutan ayat. [2 markah]	<p>Dua tuntutan ayat</p> <ul style="list-style-type: none"> - Menjalin perpaduan dan perhubungan yang harmoni. - Mengiktiraf kemuliaan dan harga diri manusia tanpa mengira rupa paras dan etnik. - Menjalin hubungan dengan orang bukan Islam selagi mereka tidak memusuhi Islam. - Menggalakkan interaksi dan kerjasama yang akan saling melengkapi antara satu sama lain. 		
5	Nyatakan maksud takwa. [2 markah]	<p>Maksud takwa</p> <ul style="list-style-type: none"> - Mengawal diri daripada melakukan perkara-perkara yang dimurkai oleh Allah SWT. 		



T4	PEL 8 HINDARI DOSA-DOSA BESAR	
	<p>عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: اجْتَنِبُوا السَّبْعَ الْمُوبِقَاتِ قَالُوا يَا رَسُولَ اللَّهِ وَمَا هُنَّ قَالَ الشِّرْكَ بِاللَّهِ وَالسِّحْرُ وَقَتْلُ النَّفْسِ الَّتِي حَرَّمَ اللَّهُ إِلَّا بِالْحَقِّ وَأَكْلُ الرِّبَا وَأَكْلُ مَالِ الْيَتِيمِ وَالتَّوَلَّى يَوْمَ الرَّحْفِ وَقَدْفُ الْمُحْصَنَاتِ الْمُؤْمِنَاتِ الْعَافِلَاتِ</p> <p>(متفق عليه)</p>	
1	<p>Nyatakan maksud potongan hadis berikut:</p> <p>i- السَّبْعَ الْمُوبِقَاتِ</p> <p>ii- أَكْلُ الرِّبَا</p> <p>iii- أَكْلُ مَالِ الْيَتِيمِ</p> <p>iv- وَالتَّوَلَّى يَوْمَ الرَّحْفِ</p> <p>[4 markah]</p>	<p>Maksud potongan hadis</p> <ul style="list-style-type: none"> - Tujuh perkara yang merosakkan - Makan riba' - Makan harta anak yatim - Dan lari daripada medan peperangan
2	<p>Senaraikan empat dosa besar yang terkandung dalam hadis. [4 markah]</p>	<p>Empat dosa besar yang terkandung dalam hadis</p> <ul style="list-style-type: none"> - Syirik kepada Allah SWT. - Sihir. - Membunuh. - Makan riba. - Makan harta anak yatim. - Lari daripada medan perang. - Menuduh perempuan yang beriman dan suci berzina (qazaf).
3	<p>Jelaskan maksud dosa besar berikut:</p> <p>i- Syirik</p> <p>ii- Makan riba</p> <p>[4 markah]</p>	<p>Maksud dosa besar berikut:</p> <p>i- Syirik</p> <ul style="list-style-type: none"> - Menyekutukan Allah SWT dengan sesuatu pada zat, sifat dan af'al (perbuatan). <p>ii- Makan riba</p> <ul style="list-style-type: none"> - Pertambahan bayaran dalam urusan pertukaran barang dan hutang piutang.
4	<p>Nyatakan pengertian syirik jali. [2 markah]</p>	<p>Pengertian syirik jali</p> <ul style="list-style-type: none"> - Menyekutukan Allah SWT dengan sesuatu pada zat, sifat dan af'al (perbuatan).

T5	PEL 7 SETIAP ORANG IALAH PEMIMPIN	
	<p>عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ عُمَرَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ يَقُولُ: سَمِعْتُ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقُولُ: كُتُّكُمْ رَاعٍ وَمَسْئُولٌ عَنْ رَعِيَّتِهِ؛ فَالْإِمَامُ رَاعٍ وَهُوَ مَسْئُولٌ عَنْ رَعِيَّتِهِ، وَالرَّجُلُ فِي أَهْلِهِ رَاعٍ وَهُوَ مَسْئُولٌ عَنْ رَعِيَّتِهِ، وَالْمَرْأَةُ فِي بَيْتِ زَوْجِهَا رَاعِيَّةٌ وَهِيَ مَسْئُولَةٌ عَنْ رَعِيَّتِهَا، وَالخَادِمُ فِي مَالِ سَيِّدِهِ رَاعٍ وَهُوَ مَسْئُولٌ عَنْ رَعِيَّتِهِ. قَالَ: فَسَمِعْتُ هَؤُلَاءِ مِنْ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، وَأَحْسِبُ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: وَالرَّجُلُ فِي مَالِ أَبِيهِ رَاعٍ وَهُوَ مَسْئُولٌ عَنْ رَعِيَّتِهِ، فَكُتُّكُمْ رَاعٍ وَكُتُّكُمْ مَسْئُولٌ عَنْ رَعِيَّتِهِ.</p> <p>(رواية البخاري)</p>	
1	<p>Nyatakan maksud potongan hadis berikut:</p> <p>i- راعٍ</p> <p>ii- مَسْئُولٌ</p> <p>iii- بيت زوجها</p> <p>iv- مال أبيه</p> <p>[4 markah]</p>	<p>Maksud potongan hadis</p> <ul style="list-style-type: none"> - Pemimpin. - Bertanggungjawab. - Rumah tangganya. - Harta benda ayahnya.
2	<p>Nyatakan empat individu yang bertanggungjawab atas kepimpinannya selain pemimpin seperti yang disebut di dalam hadis. [4 markah]</p>	<p>Empat individu yang bertanggungjawab atas kepimpinannya selain pemimpin</p> <ul style="list-style-type: none"> - Suami. - Isteri. - Pekerja. - Anak.
3	<p>Jelaskan dua tanggungjawab bagi setiap golongan berikut</p> <p>i- Pemimpin</p> <p>ii- Suami</p> <p>[4 markah]</p>	<p>Dua tanggungjawab bagi setiap golongan berikut</p> <p>i- Pemimpin</p> <ul style="list-style-type: none"> - Berlaku adil dan menghapuskan kezaliman. - Menegakkan syariat Islam. - Menyusun sistem pentadbiran yang cekap dan amanah. - Menyediakan infrastruktur yang lengkap. - Bersikap toleransi terhadap orang bawahan. <p>ii- Suami</p> <ul style="list-style-type: none"> - Memberikan nafkah kepada anggota keluarga. - Memberikan didikan agama kepada isteri dan anak-anak.



PEL 10 ALLAH MAHA PEMBALAS		
UNIT 1 – AL-MUNTAQIM		
1	<p>Nyatakan maksud al-Muntaqim . [2 Markah]</p>	<p>Maksud al-Muntaqim</p> <ul style="list-style-type: none"> - Nama Allah SWT yang menunjukkan Allah SWT Maha Pembalas / dengan menimpakan azab terhadap orang yang melampaui batas.
2	<p>Jelaskan tiga kefahaman mengenai nama Allah SWT al-Muntaqim. [3 Markah]</p>	<p>Tiga kefahaman mengenai nama Allah SWT al-Muntaqim</p> <ul style="list-style-type: none"> - Allah SWT memberikan pembalasan dengan seksaan neraka bagi orang yang menolak peringatan al-Quran. - Allah SWT menimpakan azab dalam peristiwa ad-Dhukhan iaitu kaum Quraisy ditimpa dengan kemarau panjang kerana menolak ajaran Rasulullah SAW - Allah SWT memberikan pembalasan kepada golongan yang menentang agamanya setelah diutuskan Rasul dan diberikan keterangan yang jelas.
3	<p>Tsunami di Aceh dan Jepun telah meragut nyawa dan memusnahkan banyak harta benda.</p> <p>Kaitkan peristiwa ini dengan keimanan kepada al-Muntaqim. [4 markah]</p>	<p>Cadangan isi jawapan KBAT</p> <ul style="list-style-type: none"> - Allah SWT berkuasa memberi balas kepada orang yang menolak peringatan al-Quran. - Orang yang menolak ajaran Rasul akan menerima balasan dari Allah SWT. - Orang yang berterusan melakukan dosa akan mendapat balasan azab dari Allah SWT.
T4 ALLAH MAHA PERKASA		
UNIT 2 AL-JABBAR		
1	<p>Nyatakan maksud al-Jabbar [2 markah]</p>	<p>Maksud al-Jabbar</p> <ul style="list-style-type: none"> - Nama Allah SWT yang menunjukkan Allah SWT berkuasa secara mutlak / untuk melakukan segala kehendak.
2	<p>Jelaskan tiga kefahaman mengenai nama Allah SWT al-Jabbar. [3 markah]</p>	<p>Tiga kefahaman mengenai nama Allah SWT al-Jabbar</p> <ul style="list-style-type: none"> - Allah SWT menguasai seluruh alam dan semua makhluk dalam pemerintahan Allah SWT. - Segala perbuatan Allah SWT tidak boleh dipersoalkan kerana mengandungi hikmah tersembunyi. - Manusia wajib merendah diri kerana orang yang takbur akan dicampakkan ke dalam neraka.
3	<p>”Bersikap sombong dan angkuh akan memutuskan ikatan silaturrahim dan mewujudkan masyarakat yang pentingkan diri”</p> <p>Huraikan hujah anda untuk menyokong pernyataan di atas. [4 markah]</p>	<p>Cadangan isi jawapan KBAT</p> <ul style="list-style-type: none"> - Tercetus rasa tidak puashati antara satu sama lain. - Boleh mencetuskan pergaduhan jika keadaan ini tidak terkawal. - Tidak disukai dan dijauhi oleh orang ramai.

7	Terangkan dua cara menjauhi ajaran sesat. [4 markah]	Dua cara menjauhi ajaran sesat <ul style="list-style-type: none"> - Mempelajari ajaran akidah yang benar / berdasarkan manhaj Ahli Sunnah Waljamaah - Berdo'a memohon petunjuk dari Allah SWT / agar sentiasa berada di jalan yang benar.
8	"Masyarakat pernah digemparkan dengan isu wanita boleh menjadi imam solat jumaat." Pada pendapat anda mengapakah kejadian ini berlaku? [4 markah]	Cadangan isi jawapan KBAT <ul style="list-style-type: none"> - Ingin mendapat perhatian orang ramai. - Menganggap diri sendiri benar. - Mentafsir agama mengikut logik akal semata-mata

T5		PEL 9 ALLAH SWT MAHA MENGAWASI	
		UNIT 1 : AR-RAQIB	
1	Apakah maksud ar-Raqib? [2 markah]	Maksud ar-Raqib <ul style="list-style-type: none"> - Nama Allah SWT yang menunjukkan bahawa Allah SWT Maha Menguasai semua perbuatan dan keadaan makhluk. 	
2	Jelaskan dua bukti Allah SWT bersifat ar-Raqib [2 markah]	Dua bukti Allah SWT bersifat ar-Raqib <ul style="list-style-type: none"> - Allah SWT Maha mengawasi manusia dalam aspek kepatuhan kepada perintah dan larangannya. - Allah SWT sentiasa mengawasi manusia dalam aspek hubungan sesama manusia. 	
3	"Kadar kemalangan jalan raya makin meningkat walaupun peraturan telah ditetapkan seperti penggunaan <i>trafik light</i> " Pada pendapat anda apakah punca berlakunya kemalangan ini walaupun peraturan telah ditetapkan. [4 markah]	Cadangan isi jawapan KBAT <ul style="list-style-type: none"> - Sikap pentingkan diri sendiri hingga sanggup melanggar peraturan. - Tidak beriman dengan Allah SWT bersikap ar-Raqib. - Menganggap peraturan yang ditetapkan menyusahkan. 	
T5		ALLAH SWT MAHA MENYAKSIKAN	
		UNIT 2 : AS-SYAHID	
1	Apakah maksud as-Syahid. [2 markah]	Maksud as-Syahid <ul style="list-style-type: none"> - Nama Allah SWT yang menunjukkan bahawa Allah SWT Maha Menyaksikan segala perbuatan dan mendengar segala ucapan makhluk serta tiada sesuatu pun yang tersembunyi daripadanya. 	
2	Jelaskan empat bukti Allah SWT bersifat as-Syahid. [4 markah]	Empat bukti Allah SWT bersifat as-Syahid <ul style="list-style-type: none"> - Allah SWT menjadi saksi perutusan Rasulullah SAW ke atas umatnya. - Allah SWT Maha Menyaksi dan menghitung segala amal perbuatan manusia. - Allah SWT sahaja yang menjadi saksi atas segala perkara yang nyata dan tersembunyi. - Allah SWT menjadi saksi pembohongan orang-orang munafik. 	



T4	PEL 13 HAJI DAN UMRAH	
1	Apakah maksud haji dan umrah? [4 markah]	<p>Maksud Haji</p> <ul style="list-style-type: none"> - Mengunjungi Baitullah al-Haram pada bulan-bulan haji untuk mengerjakan ibadah tertentu menurut syarat-syaratnya. <p>Maksud Umrah</p> <ul style="list-style-type: none"> - Mengunjungi Baitullah al-Haram pada bila-bila masa untuk mengerjakan ibadah tertentu menurut syarat-syaratnya.
2	Nyatakan hukum haji dan umrah . [1 markah]	<p>Hukum</p> <ul style="list-style-type: none"> - Wajib sekali seumur hidup bagi yang berkemampuan.
3	Senaraikan empat syarat wajib haji dan umrah. [4 markah]	<p>Empat syarat wajib haji dan umrah</p> <ul style="list-style-type: none"> - Islam. - Baligh. - Berakal. - Berkemampuan .
4	Jelaskan dua syarat berkemampuan dalam ibadah haji. [2 markah]	<p>Dua syarat berkemampuan dalam ibadah haji</p> <ul style="list-style-type: none"> - Cukup perbelanjaan untuk mengerjakan haji dan umrah pergi dan balik. - Cukup nafkah asas bagi tanggungannya. - Sihatah tubuh badan.
5	Nyatakan dua syarat berkemampuan bagi wanita dalam ibadah haji. [2 markah]	<p>Dua syarat berkemampuan bagi wanita dalam ibadah haji</p> <ul style="list-style-type: none"> - Mendapat keizinan wali / suami. - Ditemani suami / mahram/ kumpulan perempuan.
6	Senaraikan empat rukun haji selain sai. [4 markah]	<p>Empat rukun haji selain sai</p> <ul style="list-style-type: none"> - Niat. - Wukuf. - Tawaf. - Bergunting. - Tertib.
7	Senaraikan empat rukun umrah. [4 markah]	<p>Empat rukun umrah.</p> <ul style="list-style-type: none"> - Niat. - Tawaf. - Sai. - Bergunting. - Tertib.
8	Apakah maksud tahallul? [2 markah]	<p>Maksud Tahallul</p> <ul style="list-style-type: none"> - Membebaskan diri daripada larangan yang terdapat semasa ihram.
9	Jelaskan maksud tahallul bagi umrah. [2 markah]	<p>Maksud tahallul bagi umrah.</p> <ul style="list-style-type: none"> - Para jemaah bercukur atau bergunting selepas selesai melaksanakan sai.
10	Tahallul awal akan terlaksana apabila jemaah haji melakukan dua daripada tiga perkara. Nyatakan dua daripada perkara tersebut. [2 markah]	<p>Dua daripada perkara tersebut.</p> <ul style="list-style-type: none"> - Melontar Jamrah Kubra. - Tawaf dan sai. - Bercukur atau bergunting.

T5	PEL 11 SOLAT SUNAT ISTIKHARAH DAN SOLAT SUNAT TASBIH Unit 1 : Solat sunat Istikharah	
1	Apakah yang di maksudkan dengan solat sunat istikharah? [2 markah]	Solat sunat istikharah Solat yang dilakukan untuk memohon petunjuk Allah SWT / dalam menentukan pilihan bagi sesuatu perkara.
2	Nyatakan hukum solat sunat istikharah. [1 markah]	Hukum solat sunat istikharah - Sunat.
3	Jelaskan kaifiat menunaikan solat sunat istikharah dari dua aspek berikut: a) Niat : b) Bilangan rakaat : c) Cara pelaksanaan : [2 markah]	Kaifiat menunaikan solat sunat istikharah a) Niat - Sahaja aku solat sunat istikharah dua rakaat kerana Allah Taala. b) Bilangan rakaat - 2 c) Cara pelaksanaan - Bersendirian.
4	Terangkan dua hikmah solat sunat istikharah. [4 markah]	Dua hikmah solat sunat istikharah - Meningkatkan keimanan kepada Allah SWT / kerana menjadikan Allah SWT sebagai tempat pergantungan. - Mendidik umat Islam agar sentiasa memohon sesuatu kepada Allah SWT / terutama dalam membuat keputusan. - Menjauhkan diri daripada perbuatan syirik / dengan memohon bantuan selain Allah SWT seperti meminta bantuan kepada bomoh.
5	Antara hikmah menunaikan solat istikharah ialah dapat meningkatkan keimanan seseorang. Kemukakan hujah anda. [4 markah]	Cadangan isi jawapan KBAT - Manusia insan yang lemah sentiasa bergantung kepada Allah SWT termasuklah dalam menentukan pilihan. - Seseorang yang melakukan solat istikharah akan sentiasa bergantung / mengharap kepada Allah SWT.
6	Amalan solat sunat istikharah merupakan jalan terbaik setelah berusaha dan berikhtiar dengan bersungguh-sungguh untuk mencapai kejayaan yang cemerlang dalam pelajarannya. Huraikan hujah anda untuk menyokong pernyataan di atas. [4 markah]	Cadangan isi jawapan KBAT - Menyakini bahawa Allah sahaja tempat pergantungan. - Menyakini Allah sahaja yang boleh memberi syafaat. - Meningkatkan keimanan kerana bergantung hanya kepada Allah . - Menimbulkan rasa kehambaan dan kehinaan kerana tiada daya tanpa izin Allah



PEL 18 KERAJAAN KHULAFQA AR-RASYIDIN		
1	Nyatakan era pemerintahan kerajaan Islam secara ringkas. [4 markah]	Era pemerintahan kerajaan Islam secara ringkas <ul style="list-style-type: none"> - Kerajaan Islam zaman Rasulullah berpusat di Madinah. - Kerajaan Islam Khulafa ar-Rasyidin berpusat di Madinah. - Kerajaan Islam Umayyah yang berpusat di Damsyik. - Kerajaan Islam Abbasiyah yang berpusat di Baghdad. - Kerajaan Islam Uthmaniah yang berpusat di Istanbul.
2	Senaraikan empat ciri kepimpinan khulafa ar-Rasyidin. [4 markah]	Dua ciri kepimpinan khulafa ar-Rasyidin <ul style="list-style-type: none"> - Mengamalkan syura. - Berpandangan jauh dalam menentukan sesuatu tindakan. - Setia dengan arahan Rasulullah SAW. - Cekap bertindak. - Tegas dan berfikiran terbuka. - Adil dan prihatin terhadap kebajikan rakyat. - Berilmu pengetahuan tinggi.
3	Terangkan dua ciri kepimpinan khalifah Abu Bakar as-Siddiq r.a. [4 markah]	Dua ciri kepimpinan khalifah Abu Bakar as-Siddiq r.a <ul style="list-style-type: none"> - Mengamalkan syura / iaitu mengambil kira pandangan para sahabat dalam menentukan strategi. - Tegas / contohnya dalam memerangi golongan murtad. - Setia dengan arahan Rasulullah SAW / dengan menghantar Usamah bin Zaid kepada kerajaan Ghassan kerana telah membunuh utusan Rasulullah SAW.
4	Terangkan dua ciri kepimpinan khalifah Umar bin al-Khattab r.a [4 markah]	Dua ciri kepimpinan khalifah Umar bin al-Khattab r.a <ul style="list-style-type: none"> - Tegas / seperti menggantikan kepimpinan Khalid bin Al-Walid sebagai panglima angkatan tentera Islam dengan Abu Ubaidah bin al-Jarrah semasa perang Yamamah. - Adil / seperti memastikan kebajikan rakyat terpelihara dengan meninjau sendiri keadaan rakyatnya. - Cekap / dengan menubuhkan beberapa jabatan bagi melicinkan pentadbiran negara.
5	Terangkan dua ciri kepimpinan khalifah Uthman bin Affan r.a. [4 markah]	Dua ciri kepimpinan khalifah Uthman bin Affan r.a <ul style="list-style-type: none"> - Berpandangan jauh / seperti menubuhkan jawatankuasa khas pembukuan al-Quran demi memelihara kesucian al-Quran. - Inovatif / seperti menubuhkan angkatan tentera laut Islam sehingga berjaya meluaskan empayar Islam. - Berfikiran terbuka / seperti melonggarkan syarat penggunaan harta baitulmal. - Prihatin / seperti menyumbangkan harta dan kekayaan untuk pertahanan negara.

T5	PEL 16 KERAJAAN UTHMANIYAH Sejarah Kerajaan Uthmaniah	
1	Nyatakan dua nama kerajaan lain selepas kerajaan Abasiyah. [2 markah]	Dua nama kerajaan lain selepas kerajaan Abasiyah - Kerajaan Fatimiyah. - Kerajaan Ayubiyah. - Kerajaan Mamlukiyah.
2	Nyatakan nama asal kerajaan Uthmaniyah [2 markah]	Nama asal kerajaan Uthmaniyah - bersempena nama Uthman bin Ertughrul iaitu pengasas kerajaan Uthmaniah.
3	Nyatakan tempoh pemerintahan kerajaan Uthmaniyah. [1 markah]	Tempoh pemerintahan kerajaan Uthmaniyah - bermula pada tahun 1299 – 1924M.
4	Berapakah keluasan pemerintahan kerajaan Uthmaniyah? [2 markah]	Keluasan pemerintahan kerajaan Uthmaniyah - meliputi sebahagian besar Benua Asia, Eropah dan Afrika.
5	Nyatakan bilangan pemerintah kerajaan Uthmaniyah. [1 markah]	Bilangan pemerintah kerajaan Uthmaniyah - seramai 37 orang.
6	Senaraikan empat pemerintah terkenal pada zaman kerajaan Uthmaniyah. [4 markah]	Empat pemerintah terkenal pada zaman pemerintahan kerajaan Uthmaniyah - Sultan Uthman bin Ertughrul. - Sultan Murad I bin Urkhan. - Sultan Muhammad al-Fatih bin Murad II. - Sultan Sulaiman al-Qanun bin Salim I.
7	Siapakah pemerintah pertama dan pemerintah terakhir kerajaan Uthmaniyah? [2 markah]	Pemerintah pertama dan terakhir kerajaan Uthmaniah - Pemerintah pertama Sultan Uthman bin Ertughrul. - Pemerintah terakhir Sultan Abdul Majid II.
8	Senaraikan empat bandar yang dijadikan pusat pemerintahan kerajaan Uthmaniyah. [4 markah]	Empat bandar yang dijadikan pusat pemerintahan kerajaan Uthmaniyah - Sogut. - Bursa. - Erdine. - Istanbul.
9	Nyatakan sejarah Kerajaan Uthmaniyah secara ringkas. [4 markah]	Sejarah Kerajaan Uthmaniyah secara ringkas - Mengambil nama sempena pengasas kerajaan Uthmaniyah. - Pengasas kerajaan Uthmaniyah ialah Uthman bin Ertughrul. - Pemerintah pertama ialah Uthman bin Ertughrul. - Tempoh pemerintahan selama 1299 - 1924 masihi - Bilangan pemerintah seramai 37 orang. - Kawasan pemerintahan meliputi sebahagian besar Benua Asia, Eropah dan Afrika.



T4	PEL 22 BERSIKAP BENAR MENJAUHKAN KEMUNAFIKAN	
1	Nyatakan maksud bersikap benar [2 markah]	Maksud bersikap benar <ul style="list-style-type: none"> - Tidak berdusta dari segi perkataan, perkhabaran dan perbuatan.
2	Nyatakan hukum bersikap benar. [1 markah]	Hukum bersifat benar <ul style="list-style-type: none"> - Wajib
3	Nyatakan contoh bersikap benar dari aspek perkataan. [1 markah]	Contoh bersikap benar dari aspek perkataan <ul style="list-style-type: none"> - Tidak berbohong apabila bercakap. - Memelihara diri daripada menggunakan perkataan keji.
4	Jelaskan dua contoh bersikap benar dalam niat dan kemahuan. [2 markah]	Dua contoh bersikap benar dalam niat dan kemahuan <ul style="list-style-type: none"> - Berniat ikhlas kerana Allah SWT. - Berniat untuk membuat kebaikan semata-mata.
5	Jelaskan dua contoh sikap benar yang diamalkan oleh Rasulullah SAW. [2 markah]	Dua contoh sikap benar yang diamalkan oleh Rasulullah SAW <ul style="list-style-type: none"> - Tidak menokok tambah ayat yang disampaikan. - Bercakap tidak mengikut hawa nafsu. - Sentiasa bercakap benar walaupun ketika bergurau.
6	Jelaskan dua hikmah bersikap benar terhadap masyarakat. [4 markah]	Dua hikmah bersikap benar terhadap masyarakat <ul style="list-style-type: none"> - Saling bekerjasama kerana wujud perasaan saling percaya mempercayai. - Menjadi contoh kepada masyarakat kerana maruahnya dipandang tinggi.
7.	<div style="border: 1px solid black; padding: 5px; margin-bottom: 10px;"> <p>“Dewasa kini penyebaran berita palsu di media sosial semakin menjadi-jadi”.</p> </div> <p>Berdasarkan pernyataan diatas, huraikan kesan jangka panjang sekiranya perkara di atas tidak dibendung [4 markah].</p>	Cadangan isi jawapan KBAT <ul style="list-style-type: none"> - Membawa kepada perbalahan dan pergaduhan. - Melahirkan sikap buruk sangka. - Hilang perasaan saling hormat menghormati.

T5		PEL 18 TAWADUK MENZAHIRKAN KESUCIAN JIWA
1	Apakah yang dimaksudkan dengan tawaduk ? [2 markah]	Maksud tawaduk - Sikap kerendahan hati kepada Allah SWT dan sesama manusia. -
2	Terangkan dua contoh sifat tawaduk yang diamalkan oleh Rasulullah SAW. [4 markah]	Contoh sifat tawaduk Rasulullah SAW - Rasulullah SAW menyantuni kanak-kanak / dengan mendahulukan ucapan salam. - Rasulullah SAW menyantuni kanak-kanak dengan membelai rambut mereka / dengan perasaan kasih sayang. - Baginda bersama-sama membantu isteri melayani keluarga / dalam menguruskan rumah tangga. - Baginda tidak pernah mencela makanan / yang disediakan untuk Baginda.
3	Jelaskan dua cara melahirkan sifat tawaduk. [2 markah]	Dua cara melahirkan sifat tawaduk. - Sentiasa berdoa agar terhindar dari sifat sombong dan takbur. - Berkawan dengan orang-orang yang sentiasa merendah diri. - Sentiasa mendalami ilmu agama. Sentiasa mengingati azab Allah SWT terhadap orang yang sombong.
4	Terangkan dua hikmah sifat tawaduk dalam kehidupan. [4 markah]	Dua hikmah sifat tawaduk dalam kehidupan. - Membentuk insan yang bertakwa / kerana sentiasa mengamalkan sifat mahmudah. - Dikasihi masyarakat / kerana tidak bersifat sombong. - Membentuk keluarga yang harmoni / kerana saling menghormati antara satu sama lain. - Mendapat kedudukan yang mulia di sisi Allah SWT / kerana sentiasa bersyukur.
5	”Sifat tawaduk merupakan satu daripada sifat mahmudah” Apakah yang akan berlaku sekiranya perkara di atas diabaikan? [4 markah]	Cadangan isi jawapan KBAT - Melahirkan insan yang sombong - Menimbulkan perasaan benci membenci dalam kalangan masyarakat - Dimurkai Allah dan Rasul - Umat Islam dipandang rendah



- AL-GHAZALI -